

Dalam surat berita kali ini, kami berkongsi perkembangan pelancaran baucar digital dan menjawab soalan-soalan lazim berkenaan baucar digital untuk membantu anda memahami dengan lebih terperinci cara menggunakan baucar tersebut. Kami juga berkongsi cerapan daripada perjumpaan dengan ahli-ahli Panel Kehidupan Singapura® yang diadakan baru-baru ini, serta dapatan daripada pemakaian pelitup muka dalam kalangan warga emas dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Pelancaran e-Baucar

Pada April 2024, kami mula mengeluarkan e-baucar RedeemSG kepada responden yang memilih untuk menerima baucar digital. Setakat bulan Mei 2024, 5,550 (69.6%) responden telah memilih untuk beralih kepada e-baucar, sementara 2,429 (30.4%) responden memilih untuk kekal menerima baucar fizikal. Menurut tinjauan bulan April, alasan yang paling kerap dinyatakan oleh responden yang memilih baucar fizikal adalah kerana tidak mempunyai pelan data pada telefon bimbit mereka, dengan 36.2% responden menyatakan alasan ini sebagai salah satu sebab mereka tidak memilih e-baucar.

Maklum balas berkenaan baucar digital

Kami meminta maklum balas daripada responden yang memilih baucar digital dan bertanya jika mereka menghadapi sebarang masalah menggunakan baucar digital. Salah satu maklum balas utama ialah perlaksanaan cara yang lebih baik untuk responden mengawasi baucar digital mereka dan memanjangkan tempoh sah baucar digital. Kami ingin meyakinkan anda bahawa kami mengambil maklum balas anda secara serius serta berusaha untuk menambah baik pengalaman anda.

Kami faham bahawa ramai antara anda yang mengalami kesukaran menebus baucar di dalam kedai kerana juruwang tidak biasa dengan baucar digital, mengakibatkan beberapa pengalaman yang mengecewakan. Kami benar-benar memohon maaf atas kesulitan yang berlaku dan kami ingin memberi

jaminan bahawa kami sedang berusaha bersama RedeemSG untuk menangani masalah ini untuk memastikan anda dapat menebus baucar digital di dalam kedai secara lancar. Jika anda menghadapi sebarang kesukaran menebus baucar digital anda di pasar raya yang mengambil bahagian, sila maklumkan kami kedai yang terlibat dan kami akan membuat susulan.

Soalan-soalan Lazim e-Baucar

Bagi memberi sokongan kepada para responden beralih daripada baucar fizikal kepada digital, kami telah memuat naik panduan pengguna lengkap pada portal SLP, yang mengandungi maklumat cara menggunakan baucar digital, termasuk video yang menunjukkan cara menggunakan kaunter pembayaran layan diri yang berbeza-beza di tujuh pasar raya yang mengambil bahagian. Selain itu, kami juga telah mengadakan sesi bimbingan bersemuka dan melalui Zoom dalam bulan Mei untuk memberi panduan kepada responden cara menggunakan baucar digital dan menjawab sebarang persoalan atau kebimbangan yang mungkin timbul.

Kami faham ada dalam kalangan anda yang menghadapi masalah atau kesukaran mengakses atau menebus e-baucar, dan kami berterima kasih atas kesabaran dan sokongan anda dalam peralihan ini. Kami telah menyusun infografik yang mengandungi soalan-soalan lazim (FAQ) untuk rujukan anda. Kami harap ia dapat membantu anda menggunakan e-baucar.

E-baucar REDEEMSG

SOALAN-SOALAN LAZIM



MENERIMA BAUCAR

S: Di mana dan bilakah saya akan menerima e-baucar saya?

J: Pautan e-baucar anda akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan melalui teks (SMS) dalam masa satu minggu selepas tinjauan berakhir. SMS akan dihantar daripada ID pengirim "SMU". Sila pastikan nombor telefon bimbit anda aktif dan terkini.

S: Saya memilih e-baucar tetapi tidak menerima SMS yang memberi pautan e-baucar. Apa yang patut saya lakukan?

J: Pastikan nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan kami aktif dan terkini. Pautan e-baucar anda akan dihantar kepada anda melalui teks (SMS) dalam masa seminggu selepas tinjauan berakhir. Jika anda telah menyelesaikan tinjauan dan tidak menerima SMS tersebut dalam jangka masa ini, anda boleh menghubungi kami melalui talian utama pusat atau e-mel.

S: Bolehkah anda hantar kepada saya gabungan senarai semua e-baucar saya?


J: Kami tidak dapat menghantar gabungan senarai semua e-baucar anda. Baucar akan dihantar dalam pautan yang berasingan setiap bulan. Kami sarankan anda padam SMS e-baucar yang telah ditebus supaya peti SMS anda hanya memaparkan pautan baucar yang belum digunakan.

S: Bolehkah saya terima SMS e-baucar saya pada kad prabayar saya?

J: Ya, jika anda boleh menerima SMS, anda boleh menerima SMS e-baucar.

S: Bagaimanakah saya boleh pastikan SMS yang saya terima adalah daripada SMU & bukan penipuan?

J: SMS tersebut akan kelihatan seperti ini, daripada ID pengirim "SMU". Sila pastikan pautan baucar yang anda terima bermula dengan <https://voucher.redeem.gov.sg/>. Jangan percaya atau klik sebarang pautan baucar yang bermula dengan awalan lain. Kami tegaskan bahawa ROSA tidak akan mengirimi SMS yang meminta butiran bank anda untuk menebus baucar anda. SingPass anda **TIDAK** diperlukan untuk menebus baucar.



S: Apa yang perlu saya lakukan jika saya telah memadam SMS yang mengandungi pautan baucar secara tidak sengaja?

J: Anda boleh hubungi kami untuk meminta agar SMS tersebut dihantar semula ke nombor telefon bimbit anda.

MENEBUS BAUCAR

S: Di manakah boleh saya gunakan e-baucar saya?

J: E-baucar anda boleh digunakan di dalam kedai di 7 pasar raya berikut di seluruh Singapura: Cold Storage, Giant Singapura, Hao Mart, NTUC FairPrice, Prime Supermarket, Sheng Siong, dan U Stars. Semua kaunter juruwang yang mempunyai tanda 'REDEEMSG REWARDS' akan menerima baucar RedeemSG. E-baucar boleh ditebus di kaunter pembayaran layan diri. Sila ambil maklum bahawa baucar **tidak boleh** digunakan untuk pembelian alkohol, produk loteri, atau rokok.

S: Bolehkah saya gabungkan & gunakan beberapa pautan e-baucar untuk satu pembelian?

J: Ya, anda boleh menunjukkan e-baucar satu persatu kepada juruwang pasar raya.

S: Saya tidak mempunyai pelan data telefon bimbit & tidak dapat mengakses pautan di pasar raya.

J: Anda boleh mengakses pautan tersebut menggunakan Wi-Fi rumah anda, buat tangkapan layar kod QR baucar, dan tunjukkan imej tangkapan layar tersebut kepada juruwang di pasar raya.

S: Jika barang yang saya beli berharga kurang daripada \$5. Bolehkah saya gunakan e-baucar & simpan baki?

J: Baucar diberi dalam denominasi \$5. Anda tidak boleh menyimpan baki jika anda membelanjakan kurang daripada \$5.

KESAHAN BAUCAR & LAIN-LAIN

S: Berapa lamakah tempoh sah baucar? Bilakah tarikh tamat tempoh e-baucar?

J: E-baucar sah untuk tempoh **6 bulan** dari masa anda menerima baucar tersebut. Anda boleh merujuk tarikh "use by" yang dinyatakan di bawah QR baucar. Jangan lupa untuk menggunakan baucar anda sebelum ia tamat tempoh, kerana baucar yang telah tamat tempoh tidak boleh didapati semula kerana kami tidak boleh melanjutkan tarikh tamat tempoh buat masa ini.

S: Apakah yang boleh saya buat jika e-baucar telah tamat tempoh? Adakah anda akan menghantar peringatan untuk menggunakannya?

J: Kami tidak akan menghantar peringatan untuk menggunakan e-baucar sebelum ia tamat tempoh. Kami galakkan anda menyemak tarikh tamat tempoh baucar dan menggunakan ia dalam tempoh sah.

S: Bolehkah saya kongsi e-baucar saya dengan keluarga dan rakan saya?

J: Ya, sudah tentu. Anda boleh salin pautan e-baucar dan tampal pada platform pemesejan pilihan anda, seperti WhatsApp, untuk menghantar kepada mereka.

Perjumpaan SLP Baru-baru Ini



Dalam perjumpaan SLP kita baru-baru ini, kita telah membincangkan kebimbangan tentang penuaan di tempat tinggal di Singapura, dan penerimaan terhadap SG Yang Lebih Sihat dalam kalangan ahli SLP sejak ia dilancarkan. Ahli SLP mencadangkan untuk meningkatkan kesedaran tentang perkhidmatan penjagaan warga emas di tempat tinggal atau mewujudkan portal sehenti bagi menyenaraikan perkhidmatan yang tersedia untuk menyokong penuaan di tempat tinggal dengan lebih baik kerana perkhidmatan ini tidak diketahui ramai.

Ahli SLP juga berpendapat polisi SG Yang Lebih Sihat perlu dijelaskan dengan lebih baik, terutamanya berkaitan dengan kos perubatan kerana ramai yang bimbang akan kesan terhadap kos perubatan mereka, dan mencadangkan agar Perubatan Tradisional Cina dimasukkan dalam program untuk menyediakan pilihan rawatan yang lebih holistik.

Kami menghargai pendapat anda yang disuarakan terus kepada kami, dan kami tidak sabar untuk berjumpa dengan lebih ramai ahli SLP dalam perjumpaan yang akan datang!

Kenali Kakitangan ROSA

Wei Tin



Wei Tin ialah seorang graduan Sarjana Muda Sains Sosial dari Singapore Management University, dalam bidang Psikologi dan Sosiologi. Di ROSA, beliau membantu dalam penyelidikan akademik

dan translasional, serta menguruskan pengumpulan data bagi usaha penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Beliau meminati tajuk penyelidikan yang berkaitan dengan jantina, keluarga, ketidaksamaan, persilangan dan demografi. Wei Tin berminat membuat kajian berkenaan interaksi norma jantina, struktur kekeluargaan dan status ekonomi sosial kekeluargaan yang mewujudkan ketidaksamaan dalam kalangan wanita dan lelaki dalam pelbagai bidang, seperti pengangguran, pendidikan, penjagaan dan melahirkan anak. Beliau berharap melalui penyelidikan yang dilakukannya, setiap orang dapat memahami dengan lebih mendalam tentang mekanisma yang mendorong sesetengah amalan masyarakat dalam kalangan rakyat Singapura.

Apabila mempunyai waktu yang terluang, beliau gemar menghabiskan masa membuat lakaran digital, membaca, bermain bersama chihuahuanya dan menonton dokumentari kisah benar jenayah. Beliau menggemari semua makanan pedas, terutamanya tocai dan roti nan keju bercili.

Noah




Noah telah menyertai ROSA sebagai Pembantu Penyelidikan pada tahun ini. Tanggungjawab utama Noah termasuk membantu dalam penyelidikan ekonomi dan kajian kuantitatif dalam bidang

sosiologi. Noah menamatkan pengajian di Singapore Management University dengan Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi kewangan. Beliau memberi tumpuan kepada penggunaan model ekonometrik dalam kajian peneuaan di Singapura, dengan membuat penyelidikan terperinci dalam aspek sosial dan ekonomi Singapura. Di samping itu, beliau berharap dapat menggunakan data dan model bagi memberi maklumat dan menyokong penggubal dasar. Semasa waktu lapang, Noah gemar mempelajari pembelajaran mendalam, berenang dan mendengar muzik pop.

Petikan Penyelidikan

Dalam bulan Mac 2024, kami telah bertanya berapa kerap anda memakai pelitup muka setiap kali anda keluar rumah dalam sebulan yang lalu dan membandingkan keputusannya dengan tahun 2020. Semasa kemuncak wabak COVID-19, hampir 9 daripada 10 orang responden (87.50%) menyatakan mereka sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar rumah dalam bulan April 2020. 4 tahun kemudian, hanya 16.55% responden melaporkan mereka memakai pelitup muka setiap kali keluar rumah dalam bulan Februari 2024, sementara 1 daripada 4 responden (25.11%) melaporkan mereka langsung tidak memakai pelitup muka.

Pada bulan lepas, apabila anda keluar rumah semasa anda berasa sihat, berapa kerapkah anda memakai pelitup muka?



Walaupun pemakaian pelitup muka tidak lagi diwajibkan, pemakaian ini merupakan amalan yang baik apabila anda berasa tidak sihat atau pergi ke tempat yang sesak. Vaksin COVID-19 yang terkini juga tersedia percuma untuk penduduk yang berkelayakan, dan mereka yang berdaftar dengan SG Yang Lebih Sihat boleh menerima vaksin di klinik SG Yang Lebih Sihat yang mengambil bahagian di seluruh Singapura.

Perihal Panel Kehidupan Singapura

Sebagai ahli Panel Kehidupan Singapura, anda merupakan sebahagian daripada kumpulan yang terdiri daripada lebih daripada 10,000 orang responden yang menyumbang kepada kefahaman kami terhadap peneuaan yang berjaya di Singapura. Kira-kira 80% ahli menyertai SLP pada tahun 2015 dan 20% lagi antara 2021-2023. Kami ucapkan terima kasih kepada anda kerana sentiasa mengambil bahagian dalam tinjauan kami dan berkongsi pendapat anda.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (**10 pagi hingga 5 petang**, Isnin hingga Jumaat) atau di slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa bersedia mendengar pendapat anda.